

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB. TAN SRI DATO' SERI ABD**
KHALID BIN IBRAHIM
TARIKH : **24 MAC 2014 (ISNIN)**
SOALAN : **YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan tahap kejayaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dalam membantu golongan belia di Malaysia dan adakah jumlah pinjaman diberi berpadanan dengan kejayaan atau tidak memenuhi sasaran.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak penubuhan TEKUN Nasional pada 1998 sehingga Januari 2014, sejumlah pinjaman bernilai RM2.98 billion telah berjaya disalurkan kepada 280,775 orang usahawan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 172,957 atau 61.6% usahawan adalah terdiri daripada kalangan belia dengan nilai pinjaman RM2.29 billion. Kejayaan pinjaman kepada golongan belia boleh diukur atau dilihat melalui pinjaman ulangan yang diluluskan oleh TEKUN Nasional kepada 52,287 (64.83%) golongan belia dengan nilai kelulusan RM805.85 (73.3%) juta berbanding keseluruhan pinjaman ulangan sebanyak 80,647 yang bernilai RM1.10 billion.